

64

RALAT : PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO 1UUM 1MALAYSIA

Jabatan Pendaftar

Telah Dihantar: 12 Ogos 2010 8:59

Kepada: UUM - AH Staff

Lampiran-lampiran:  BORANG PENYERTAAN.docx (53 KB) [Buka sebagai Dokumen Web];

12 OGOS 2010

2 RAMADHAN 1431H

UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)**PERTANDINGAN MENCIPTA LOGO 1UUM 1MALAYSIA****Pertandingan Mencipta Logo**
"1UUM 1MALAYSIA"

Jabatan Pendaftar mempelawa semua kakitangan dan pelajar UUM untuk mengambil bahagian dalam pertandingan mencipta logo "1UUM 1Malaysia" sempena Bulan Patriotisme bermula 31 Julai hingga 31 Ogos 2010.

SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN

1. Semua rekacipta hendaklah bersifat dinamik dan sesuai untuk digunakan sebagai identiti korporat Konsep "1UUM 1Malaysia" serta melambangkan nilai-nilai 1Malaysia;
2. Keaslian logo – semua ciptaan hendaklah asli. Reka bentuk tidak boleh mengandungi unsur yang dianggap sensitif dari segi kaum, budaya dan agama;
3. Rekacipta hendaklah menggunakan tidak lebih daripada empat (4) – warna korporat logo UUM dan satu warna pilihan;
4. Setiap rekacipta logo hendaklah disertakan dengan rasional, definisi atau penjelasan bagi setiap simbol atau warna yang digunakan;
5. Rekacipta hendaklah dihantar dalam bentuk cetakan di atas kertas A4 dan ditampal di atas kertas tebal (**mounting board**) berukuran A3 dan juga di dalam 'softcopy';
6. Reka bentuk boleh dilukis dengan tangan (**free hand**) atau grafik computer;
7. Penyertaan adalah percuma. Para peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan. Setiap penyertaan perlu dinyatakan nama, no. pekerja (staf) atau no. matrik (pelajar), alamat surat menyurat (PTJ atau DPP), nombor telefon dan email yang boleh dihubungi;
8. Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kehilangan, kerosakan atau apa-apa kos bahan yang akan dihantar oleh peserta;
9. Keputusan pertandingan akan dibuat oleh Panel Juri yang akan dilantik oleh pihak penganjur. Setiap penyertaan akan dinilai dari aspek konsep, kreativiti dan keaslian. Pemenang akan dimaklumkan secara bertulis dan keputusan Panel Juri adalah muktamad. Sebarang bantahan tidak akan diterima oleh pihak penganjur; dan
10. Semua penyertaan hendaklah sampai ke alamat di bawah dan diterima sebelum atau pada 31 Ogos 2010:

Bahagian Pentadbiran dan Acara
Jabatan Pendaftar
(u/p: En. Syarif Izam Norodin)
Tel : 04-928 4185
Fax: 04-928 4188

HADIAH

Pemenang pertandingan akan menerima hadiah wang tunai dan Sijil Penghargaan.

Tempat Pertama	:	RM 300.00
Tempat Kedua	:	RM 200.00
Tempat Ketiga	:	RM 100.00
Tempat Ke-4 hingga Ke-10	:	RM 50.00